

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 15 June, 2020 12:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 20 Tahun Bersama UUM Tinggal Momen Indah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 JUN 2020 / 23 SYAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah dan Nur Shafiqah Rozizan (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

20 TAHUN BERSAMA UUM TINGGAL MOMEN INDAH



UUM ONLINE: Bermula sebagai tutor 20 tahun lalu di Universiti Utara Malaysia (UUM) sehingga bergelar Prof. Madya dan memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) cukup meninggalkan kesan mendalam kepada Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek yang akan meninggalkan kerjayanya sebagai ahli akademik pada tanggal 1 Julai nanti.

“Pengalaman bersama UUM sepanjang tempoh perkhidmatan itu sangat berharga kepada diri dan saya sudah memberikan yang terbaik kepada universiti ini, namun saya perlu melihat jauh ke hadapan demi perkembangan kerjaya,” katanya yang akan memulakan karier baru di sebuah bank terkemuka negara dan antara terbaik dunia.

Beliau berkata, sepanjang perkhidmatan bermula tahun 2000, beliau sangat menghargai segala jasa baik, kerjasama dan kasih sayang yang dicurahkan warga UUM.

Katanya, segala kenangan pahit dan manis di universiti ini akan sentiasa subur dalam ingatan.

“Seikhlas hati saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga UUM atas segala kerjasama erat dan sokongan padu yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan.

“Saya berharap CUIC akan terus maju dan dapat mengeratkan jalinan kerjasama dengan pihak industri, seterusnya meneruskan hala tuju CUIC yang telah dirancang sejak awal lagi,” katanya.

Seorang yang berjiwa pendidik, profesional dan komited melaksanakan kerja dengan penuh dedikasi, Dr. Marlin telah menerajui CUIC selama 18 bulan.

Berkongsi pengalaman menerajui pusat tanggungjawab tersebut, beliau berkata, CUIC telah melaksanakan pelbagai aktiviti dengan pihak Industri meskipun UUM terletak jauh dari bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Katanya, walaupun UUM berada jauh dari kawasan bandar besar, namun semua itu tidak menghalangnya untuk meluaskan rangkaian dengan pihak luar.

“Saya akan mencari sesuatu maklumat terlebih dahulu sebelum berjumpa dengan pihak luar agar mereka yakin dan nampak UUM menghantar orang yang betul dan tepat untuk berunding.

“Dalam sesebuah organisasi, gaya kepimpinan transformasional, kerja berkumpulan dan saling bertolak ansur amat penting untuk melahirkan suasana yang kondusif dan ceria,” katanya.

Sebagai ketua di sebuah pusat tanggungjawab yang turut menguruskan pelajar pelatih, beliau mengingatkan pelajar UUM yang akan menjalani latihan industri agar sentiasa bersedia dengan cabaran industri pada masa kini terutamanya dalam keadaan krisis Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

Dr. Marlin berkata, pelajar perlu mempunyai nilai tambah untuk membezakan dengan pelajar lain agar mereka dapat dipilih untuk bekerja di organisasi.

Tambahnya, penguasaan Bahasa Inggeris juga amat penting untuk mengisi kekosongan jawatan di organisasi, malah keadaan norma baru kini sebenarnya menekankan bakal graduan supaya berfikir di luar kotak tentang kerjaya masa hadapan.

Berpegang kepada prinsip ‘*Soar High Stay Grounded*’, tanggungjawab Dr. Marlin bukan sahaja sebagai pendidik, malah bertanggungjawab memperkaya hubungan dengan pihak Industri dan juga komuniti dengan pelantikan sebagai Ketua Universiti Awam Zon Utara bagi ‘Universiti For Society’ (U4S) di Pulau Tuba, Langkawi yang merupakan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi untuk menunjukkan Universiti Awam bertungkus-lumus membantu komuniti dalam meningkatkan taraf hidup.

Akhir kalam, beliau berharap agar UUM terus maju ke hadapan kerana universiti ini memiliki potensi yang sangat besar dan pada masa sama perlu mendengar pendapat dan memberi peluang kepada warga kampus untuk melontarkan pendapat.



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.